

Kedudukan Kaum Wanita Dalam Islam

Oleh: Bik Shanda al-Kaprawi

Di ruangan Alam Wanita pada kali ini kita isi dengan sebuah makalah terjemahan mengenai “Kedudukan kaum wanita di dalam Islam”. Makalah ini ditulis oleh Puan Bik Shanda al-Kaprawi seorang penulis Islam wanita dari Timur Tengah. Di dalam makalah ini Puan Bik Shanda mengambil jalan tengah bagi menerangkan tanggungjawab seorang wanita Islam terhadap agama, tanah air dan rumah tangga. Meski pun di dalam soal kemasyarakatan kaum wanita mempunyai tanggungjawab yang lebih ringan daripada kaum lelaki, namun di dalam soal ibadah, kewajipan dan tanggungjawab mereka adalah seimbang dengan kaum lelaki. Ikutilah kupasan beliau dalam soal ini. - Pengarang

Terjemahan: Siti Nurbaya

Alam Wanita

Wanita Bukan Makhluk Yang Hina:

Kedudukan kaum wanita di dalam Islam, adalah boleh dikatakan seimbang dengan kaum lelaki, mengenai amal ibadah kepada Allah. Mungkin yang menjadi berlainan adalah dimestikan mengerjakan perintah Allah diwaktu umurnya lebih muda daripada kaum lelaki. Adalah benar Islam tidak mewajibkan mereka mengerjakan sembahyang Jumaat dan berjihad (berperang kerana pembelaan agama Allah).

Segala larangan tersebut bukanlah bererti bahawa Islam memandang rendah atau sebagai satu penghinaan terhadap mereka, atau pun mereka terlalu lemah untuk mengerjakan tugas-tugas tersebut. Tetapi tujuan yang sebenarnya, adalah untuk meringankan segala tanggungjawab-tanggungjawab yang telah sedia ada pada mereka. Allah lebih menyukai mereka menjalankan tugas-tugas rumahtangga dan menjaga anak-anak dan dan¹ suami-suami mereka. Walau pun demikian, jika kaum wanita itu sanggup pergi berjuang di medan perang, maka Allah tidak menegahinya; sebaliknya tindakan mereka itu adalah diberkati Allah.

Tugas Kaum Wanita:

Imam Bukhari meriwayatkan; seorang wanita telah berkata (di zaman Rasul Allah); “Kami telah berjuang di samping Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhiwa sallam*: kami bertanggungjawab terhadap tentera kami, menyediakan mereka air minuman, dan merawat dan membawa pulang mereka yang luka-luka atau cedera ke Madinah.” Seorang lagi telah berkata: “Saya telah mengambil bahagian di dalam peperangan di samping Rasulullah sebanyak tujuh kali. Saya telah bersama-sama di barisan belakang dengan tugas-tugas menyediakan makanan untuk tentera-tentera Islam dan memberi rawatan kepada mereka-mereka yang luka atau tercedera.”

Anas berkata: “Saya lihat Aisyah dan Ummu Salim, pada hari peperangan Uhud, mengandar air dan memberi minum askar-askar yang tercedera. Apabila Rasulullah mendapat luka, puteri baginda Fatimah, telah mendapatkan baginda untuk merawat dan mengubati lukanya itu.”

Tanggungjawab bersama:

Islam telah menegaskan bahawa berjihad (berjuang untuk membela pertiwi dan agama Allah) itu adalah tanggungjawab tiap-tiap orang; yaitu mereka tidak dikecualikan. Seseorang wanita itu harus dikecualikan daripada mengambil bahagian di lapangan tersebut, kerana ia mempunyai tugas rumahtangga memang sudah pun berat, melainkan jika suaminya memberi kebenarannya berbuat demikian, atau di ajak bersama-sama dengannya dalam menjalankan tugas tersebut. Jadi yang demikian Allah mencucuri rahmat-Nya kepada mereka berdua, sebagaimana yang dilakukan-Nya kepada mereka yang berjuang kerana-Nya.

Keseluruhannya, apabila orang-orang Islam tidak diserangi oleh musuh, maka tindakan-tindakan seperti itu bolehlah diambil; tetapi kiranya musuh menyerang orang-orang Islam, maka adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap orang lelaki atau perempuan, mestilah

¹ Pengulangan perkataan dan.

Alam Wanita . . .

bertindak menentang musuh-musuh yang datang mencero boh demi untuk mempertahankan kesucian agama Ilahi. Dalam hal ini, seseorang wanita itu boleh berjuang tanpa keizinan suaminya, anak tanpa keizinan bapanya, dan hamba tanpa keizinan tuannya. Tuhan telah berfirman (dengan maksud):

“Maralah ke hadapan dengan keadaan ringan (berjalan) dan berat (berkenderaan) dan berjuanglah dengan harta benda dan jiwa kamu di jalan Allah, kerana yang demikian lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.” – (*Al-Baqarah* ayat 41).

Kemuliaan yang sama:

Sebagaimana al-Qur'an menyatakan mengenai kaum lelaki yang menjadi pilihan Allah dan dimuliakan-Nya: “Sesungguhnya Allah telah memilih Adam dan Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga Imran di antara sekalian manusia di dalam alam, sedang mereka itu beranak-pinak setengah daripada yang setengahnya.” – (*Āli 'Imrān* -33)

Ia juga menyatakan kepada kita mengenai kaum wanita yang menjadi pilihan Tuhan dan yang dimuliakan-Nya: “Ingatlah! Ketika malaikat berkata: ‘Wahai Maryam sesungguhnya Allah telah memilih dan membersihkan engkau.’ Ia telah memilih engkau dari keseluruhan wanita di alam. Wahai Maryam ikutilah perintah Allah sujudlah engkau dan rukuklah bersama-sama dengan orang yang rukuk!” (*Āli 'Imrān* – 42).

Di dalam banyak ayat, kita dapati betapa kaum wanita telah diberi kedudukan dan kemuliaan, seperti mana yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kaum lelaki. Tuhan telah berfirman dengan maksudnya:

“Orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan setengahnya menjadi pembantu yang setengahnya. Mereka menyuruh dengan kebajikan dan melarang daripada yang salah lagi mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat serta taat kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka itu bakal diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Besar lagi Bijaksana. Allah telah menjanjikan buat orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan dengan syurga yang mengalir air sungai di bawahnya, serta mereka kekal di dalamnya dan beberapa tempat kediaman yang cantik di dalam syurga ‘Adnin. Keredaan Allah itu amat besar sekali. Demikianlah kemenangan yang besar”. (*Al-Tawbah* 71 – 72)

Firman-Nya lagi: “Sesiapa melakukan perbuatan baik sama ada lelaki mahu pun perempuan, sedang ia beriman, nescaya Kami hidupkan ia dengan penghidupan yang baik dan kami balas ia dengan pahala yang terlebih baik dari usaha yang mereka perbuat.” (*Al-Nahl* – 97).

Dan firman-Nya lagi: Sesiapa yang membuat kejahatan, maka tiada dibalas melainkan yang seumpamanya, dan barang siapa yang beramal saleh, mahu pun lelaki atau perempuan, sedang ia beriman pula, maka mereka masuk syurga serta mendapat

rezeki dengan tidak terkira.”

(*Al-Mu'min* – 40)

Wanita Harta Kaum Lelaki

Rasulullah *ṣallā Allahu 'alayhi wa sallam* telah menunjukkan bagaimana seseorang perempuan itu bertanggungjawab seperti kaum lelaki dan bagaimana Islam menghormatinya di atas tanggungjawab yang diberi ke atasnya yaitu tanggungjawab rumahtangganya, sebagaimana sabdanya (yang bermaksud): “Kamu sekalian adalah pemimpin dan bertanggungjawab atas segala jagaan-jagaan kamu. Jadi, imam ialah pemimpin dan bertanggungjawab atas jagaan-jagaannya, dan seseorang wanita itu adalah pemimpin di rumah suaminya dan bertanggungjawab atas jagaan-jagaannya.”

Baginda juga bersabda: “Wanita adalah pasangan lelaki.” Lagi sabdanya kepada Umar ibn al-Khattab: “Mahukah saya nyatakan sebaik-baik harta seseorang lelaki dapat memilikinya? Seorang isteri yang baik, yang menggembarakan bila dilihatnya, yang setia pada perintah-perintahnya dan yang tidak menjatuhkan maruahnyanya apabila ia (suaminya) berjauhan.”

Penghargaan Islam terhadap wanita

Setinggi manakah Islam mensanjung kaum wanita, telah dinyatakan kepada ibu yang memelihara anak-anak perempuannya, telah dinyatakan oleh Rasulullah kepada umat-umatnya: : “Barang siapa mempunyai tiga orang anak perempuan atau tiga orang saudara-saudara perempuan, atau dua orang anak perempuan atau

Alam Wanita...

dua orang saudara-saudara perempuan dan mengajar mereka akhlak dengan penuh kasih sayang terhadap mereka, akan kurnia Allah syurga baginya.”

Kita telah dapat mengetahui bagaimana Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah menunjukkan kepada umat-umatnya supaya berbuat baik dengan ibunya. Apabila disoal oleh seorang yang musykil tentang kepada siapa yang patut diberi kasih sayang dan perhatian yang utama sekali, beliau berkata “ibumu” sebanyak tiga kali sebelum dikatakan “ayahmu”. Dengan perkataan lain baginda bersabda: “Allah beserta dengan orang yang berbuat kebajikan kepada ibunya, kepada ibunya,

kepada ibunya, kemudian keluargamu yang terdekat sekali, dan kemudian kepada yang dekat dan seterusnya.”

Islam juga telah memberi kepada ibu-ibu hak untuk memelihara anak-anak mereka dan sebagai penjaga mereka di dalam perkara-perkara perceraian atau perpisahan, dengan berpunca kepada pertimbangan dan keadilan atas kasih sayang seorang ibu, asuhan dan baik hatinya, yang mana membuat ia lebih sesuai dalam menjalankan tugas ini. Tindakan ini dengan sendirinya telah membuktikan penghargaan Islam terhadap kaum wanita dalam tugas mustahaknya kepada masyarakat. Petikan dari:

Majalah Minbar Islam

Kata-kata hikmah

Lebih baik berkesudahan dengan kengerian daripada menghadapi ngeri yang tidak berkesudahan – (Alexander Powel).

* * *


Kebijaksanaan yang sebenarnya ialah mengambil sesuatu keputusan yang tegas dan tetap. – (Napoleon).

* * *

Kalau engkau tua berilah nasihat; kalau engkau muda terimalah nasihat. – (Pepatah China).

* * *

Lebih baik menabung budi daripada menabung wang, tetapi yang paling baik ialah menabung kedua-duanya sekali. – (S.H.Soedarto).



Pekerja-pekerja wanita bahagian jilid-menjilid (*binding*) percetakan Qalam – semuanya terdiri dari wanita-wanita Melayu – sedang bekerja dengan giat menjalankan tugas masing-masing.